

ANALISA BORANG MAKLUMBALAS PESERTA


"BISNES HALAL SATU JIHAD"

OLEH YBHG TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI HASHIM
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF JOHOR CORPORATION

PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSRI HALAL NASIONAL NEGERI PAHANG 2009
KOMPLEKS DAGANGAN INDERA MAHKOTA, KUANTAN
20 JULAI 2009 (ISNIN)

Jumlah edaran : 150 Borang
Dikembalikan : 41 Borang (27.3%)

SOALAN 1 : ADAKAH CERAMAH YANG DISAMPAIKAN OLEH PENCERAMAH DAPAT DIFAHAMI DENGAN JELAS?



Skala

1	-	0	(0%)
2	-	0	(0%)
3	-	1	(2.4%)
4	-	21	(51.2%)
5	-	19	(46.3%)

SOALAN 2 : APAKAH PANDANGAN ANDA DENGAN TOPIK CERAMAH YANG DISAMPAIKAN?

BIL	JAWAPAN	NAMA PESERTA
1.	Ceramah yang disampaikan memberi manfaat dan memberi peluang perniagaan kepada kita semua	Rogayah Abdullah
2.	Sangat baik dan bagus. Patut diadakan setiap masa bagi menyedarkan umat Islam sejagat	Isah Bt Ismail
3.	Ia amat berguna bagi saya sebab dapat mengetahui pelbagai ilmu pengetahuan	Nor Azlan Bin Man
4.	Sangat bagus kerana membincangkan tentang bisnes-bisnes yang merupakan satu jihad.	Agussalim B Basri
5.	Bagus kerana dia banyak memberi kesedaran kepada kita. Di samping itu, dia banyak memberi tunjuk ajar dan pengetahuan yang memberangsangkan.	Lailatul Azizi Bte Arifin
6.	Menarik kerana ia mengenai hubungan bisnes dengan orang Islam di mana bisnes itu boleh dijadikan satu jihad buat orang Islam yang mesti berlandaskan kepada produk/ perkhidmatan yang halal.	Abdul Hafiz B. Mohd Sanusin
7.	Bagus. Memberi kesedaran kepada saya untuk memilih barang-barang yang halal. Saya harap seminar halal ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat di bandar mahupun luar bandar	Nor Sazalaya
8.	Bertepatan dengan program dan mudah difahami.	Noorain Mat Daud
9.	Amat memuaskan. Dapat lebih pengetahuan dan pandangan.	Habibah
10.	Cara-cara memajukan Bisnes Jihad dengan halal.	Mahiniran
11.	Bagus untuk meningkatkan usaha dan memberi kesedaran kepada kita memupuk jati diri yang jitu.	Hayati Abdul Ghafar
12.	Topik ceramah yang disampaikan sesuai dengan keadaan masa kini .Input-input yang diberikan amat berguna untuk masa kini dan akan datang	Noor Fariza Abdul Rauf
13.	Memuaskan kerana banyak maklumat dan idea dikongsi bersama	Foziah Bt Ahmad
14.	Memuaskan namun demikian tidak mencapai objektif utama tentang jihad (mungkin masa tidak mengizinkan).	Sabariah Bt Mohd Ariff
15.	Alhamdulillah. Topik ceramah yang disampaikan bolehlah dikatakan memuaskan kadangkala ada masanya penceramah kurang menyerlah penyampaiannya.	Zainab Abas
16.	Pada pandangan saya Jihad Bisnes dan waqaf korporat sangat baik kerana kita dapat membantu kepada orang yang kurang berkemampuan.	Muhammad Akmalluddin Bin Yunus

BIL	JAWAPAN	NAMA PESERTA
17.	Sangat bermaklumat dan sesuatu yang agak baru pada saya	Norhusni Bt Abdul Rahman
18.	Sangat memuaskan serta lengkap dengan isi kandungan yang boleh menaikkan semangat perniagaan	Rokhiyah Md. Desa
19.	Bagaimana cara memajukan Bisnes cara halal	Lectchumanan A/I Ramasamy
20.	Bagus banyak manfaat yang berguna untuk mendaulatkan perniagaan	Mohd Zalzaifulhafiz Alias
21.	Ceramah yang disampaikan amat berkesan sekali dan faham mesej yang disampaikan	Tuan Nab Syed Mokhtar
22.	Amat baik. Dapat membantu semua dalam menjana masyarakat yang berakhlak dan mampu memajukan negara.	Muhamamad Sufian b Anas
23.	Boleh membuka minda. Mengetahui halal haram kerana mahu memasarkan barangan kita	Che Jara Che Abbas
24.	Mengajar bisnes dari bawah dan panjangkan bisnes hingga ke anak cucu. Terapkan amanah dalam diri. Utamakan cara organisasi, bercita-citalah untuk berjaya dan maju hingga ke antarabangsa	Zaleha Ibrahim
25.	Sangat bagus sekali untuk kesedaran umat Islam untuk mengguna barangan yang halal	Che Roslah Hasan

SOALAN 3 : ADAKAH ANDA BERSETUJU DENGAN JIHAD BISNES DAN WAQAF KORPORAT YANG DIKEMUKAKAN? PANDANGAN ANDA?

BIL	JAWAPAN	PESERTA
1.	Bersetuju, menggalakkan orang Melayu berniaga.	Rogayah Abdullah
2.	Memang saya sangat bersetuju dengan jihad bisnes dan wakaf korporat yang dikemukakan demi masa depan umat Islam sedunia	Isah Bt Ismail
2.	Bagi saya amat bersetuju	Nor Azlan Bin Man
3.	Ya, saya setuju. Saya berharap anak-anak muda kita maju dan berjaya dan berharap dapat mengikuti sesi yang diadakan di lain hari. Insya Allah	Lailatul Azizi Bte Arifin
4.	Ya, saya bersetuju. Ianya dapat membantu orang lain di dalam kesusahan dan dapat menyucikan perniagaan itu sendiri jika diwaqafkan	Abdul Hafiz B. Mohd Sanusin
5.	Ya, dapat membantu perniagaan orang Melayu ke perniagaan yang seterusnya	Nor Sazalaya
6.	Ya, berkaitan dengan agama dan amat menitikberatkan halal dan telah memberi banyak tunjuk ajar kepada orang ramai	Noorain Mat Daud

7.	Saya bersetuju dengan jihad bisnes dan waqaf korporat dalam program yang dianjurkan	Habibah
8.	Banding luar negeri dan belajar dari orang yang memajukan bisnes seperti orang Cina. Dia orang-orang yang berjaya di bisnes	Mahiniran
9.	Bersetuju supaya dapat membantu orang tidak berkemampuan dan dapat kelebihan	Hayati Abdul Ghafar
10.	Saya bersetuju. Ini kerana dengan adanya waqaf yang diberikan oleh sesuatu bisnes akan dapat membantu rakyat-rakyat yang amat memerlukan bantuan	Noor Fariza Abdul Rauf
11.	Amat bersetuju kerana pandangan dan idea yang dibentangkan amat bersesuaian dengan memori sejagat terutamanya IKS yang beragama Islam.	Foziah Bt Ahmad
12.	Setuju. Lebih baik jika banyak pendedahan kepada umum (bukan sekadar hadir kursus)	Sabariah Bt Mohd Ariff
13.	Saya bersetuju dengan jihad bisnes dan waqaf korporat kerana dia boleh memberi kesedaran dan pemahaman lebih mendalam	Zainab Abas
14.	Ya, pandangan saya Jihad Bisnes dan waqaf korporat sangat baik kerana kita dapat membantu kepada orang yang kurang berkemampuan	Muhammad Akmalluddin Bin Yunus
15.	Ya, ia bukan saja satu hala tuju dan amalan yang mulia, tetapi juga turut menyumbang kepada pembangunan negara dan ummah	Mohd Hariyazid Jailani
16.	Sangat bersetuju kerana memperjuangkan kehalalan dalam perniagaan di samping memberikan manfaat kepada semua pihak. Insyallah	Norhusni Bt Abdul Rahman
17.	Saya setuju dengan Jihad Bisnes dan waqaf korporat	Rokhiyah Md. Desa
18.	Banding luar negeri dan belajar dari orang yang majukan Bisnes seperti orang Cina dengan cara halal	Lecthumanan A/I Ramasamy
19.	Setuju kerana ramai rakyat mungkin dapat perubahan terbaik yang diberikan oleh waqaf korporat.	Mohd Zalzaifulhafiz Alias
20.	Amat bersetuju, di samping kita berniaga dengan secara halal dan terus berjihad. Kejadian Allah yang diredhai	Tuan Nab Syed Mokhtar
21.	Amat bersetuju kerana dapat membantu semua kaum di negara ini	Muhamamad Sufian b Anas
22.	Ya setuju untuk masa depan keluarga dan anak cucu.	Che Jara Che Abbas
23.	Ya, bersetuju untuk membuka minda umat Islam keseluruhannya memulakan perniagaan dan mengetahui halal dan haramnya	Zaleha Ibrahim
24.	Bersetuju, supaya semua umat Islam mengguna dan makan minum, makanan yang halal di sisi Allah Ta'ala	Che Roslah Hasan

SOALAN 4 : PANDANGAN / CADANGAN ANDA KEPADA PENCERAMAH / JOHOR CORPORATION?

BIL	JAWAPAN	PESERTA
1.	Menyuntik semangat untuk terus berusaha dan berdaya saing	Rogayah Abdullah
2.	Cadangan saya supaya penceramah sentiasa memberi ceramah kepada umum supaya masyarakat faham dengan konsep yang sebenar	Isah Bt Ismail
3.	Saya harap hasrat tuan akan berjaya suatu hari nanti.	Nor Azlan Bin Man
4.	Saya harap dapat mengumpulkan semua belia-belia dan mengadakan bengkel kepada kami yang berkemampuan menghadiri kursus berbayar	Lailatul Azizi Bte Arifin
5.	Perlu memberi pendedahan kepada usahawan yang baru bertapak dalam dunia keusahawanan agar tidak mudah berputus asa supaya berjaya seperti usahawan-usahawan sekarang	Abdul Hafiz B. Mohd Sanusin
6.	Memperbanyakkan seminar di bandar dan luar bandar. Saya harap, Johor Corporation dapat mengeluarkan buku halal kepada pengguna supaya umat Islam dapat membezakan halal dan haram dan tidak tertipu	Nor Sazalaya
7.	Memperbanyakkan program, ceramah di merata tempat khasnya kepada mereka yang baru berjinak dalam dunia perniagaan	Noorain Mat Daud
8.	Sangat memuaskan kerana saya dapat pengetahuan dan pandangan	Habibah
9.	Pada pandangan saya program Halal Nasional Negeri Pahang amat memuaskan	Mahiniran
10.	Saya harap pihak JCorp dapat mengumpulkan semua hasil-hasil daripada pengusaha yang di rumah dan dikumpul di pasaran. Bukan semua pengusaha mampu menyediakan bengkel atau menyewa kedai.	Hayati Abdul Ghafar
11.	Penceramah Johor Corporation amat bagus. Banyak nas-nas daripada Al-quran yang dijadikan sebagai pengukuhan untuk topik yang diberikan	Noor Fariza Abdul Rauf
12.	Selalu mengendalikan kursus yang bersesuaian kepada usahawan dari masa ke masa supaya ekonomi dan pengetahuan usahawan dapat ditingkatkan	Foziah Bt Ahmad
13.	Saya amat berbangga dengan cara penyampaian penceramah dari Johor Corporation. Cara penyampaian amat memberi kesan pada semua hadirin	Zainab Abas
14.	Pandangan saya kepada penceramah dan Johor Corporation sangat baik. Selain itu, Johor Corporation memberikan makna yang mendalam tentang bisnes	Muhammad Akmalluddin Bin Yunus
15.	Tunjukkan juga bagaimana cara untuk menyertai atau membina jaringan niaga bersama Johor Corporation	Mohd Hariyazid Jailani

BIL	JAWAPAN	PESERTA
16.	Diharap masa yang diberikan dapat dilanjutkan agar penceramah dapat memberikan lebih contoh dan penerangan tentang Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat	Norhusni Bt Abdul Rahman
17.	Perlu diadakan lagi seminar ini dan terima kasih pada penceramah atas segala tunjuk ajar	Rokhiyah Md. Desa
18.	Penceramah sangat memuaskan saya kalau boleh adakan lagi ceramah seperti ini.	Siti Rakaih Ismail
19.	Cara memajukan perniagaan apa kita mulakan	Lectchumanan A/I Ramasamy
20.	Supaya Johor Corporation membuka cawangan di negeri Pahang. Semoga produk halal dapat diteruskan	Tuan Nab Syed Mokhtar
21.	Kurang memuaskan kerana mengantuk	Muhamamad Sufian b Anas
22.	Memperbanyakkan lagi topik yang menarik dan huraikan dengan lebih terperinci	Che Jara Che Abbas
23.	Panjangkan ceramah dan terangkan dengan lebih teliti kerana beliau pandai mengawal keadaan. Topik-topiknya pun bernas dan padat	Zaleha Ibrahim
24.	Sangat baik. Boleh memberi kesedaran untuk saya	Che Roslah Hasan